Abdul Aziz bin Mohd Alias lwn Timbalan Ketua Polis Negara dan Satu Lagi

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO W-01–29 TAHUN 2004
LOW HOP BING, RAUS SHARIF DAN WAN ADNAN MUHAMAD HHMR
7 NOVEMBER 2008

Undang-Undang Pentadbiran — Hak dan liabiliti pegawai awam — Pemecatan daripada perkhidmatan — Sama ada keputusan responden pertama bertentangan dengan peruntukan peraturan 28 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 — Sama ada hak perayu di bawah prinsip-prinsip keadilan umum dinafikan — Perayu tidak diberitahu di bawah bahagian mana peruntukan peraturan 38 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 perayu boleh dihukum — Sama ada surat tunjuk sebab tidak sah dan terbatal — Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 peraturan 28, 38

Perayu adalah seorang Ketua Inspektor di dalam pasukan polis pada masa yang material. Satu tindakan tatatertib telah dimulakan terhadap perayu melalui surat yang bertarikh 5 Februari 1997. Tujuh pertuduhan telah dikenakan terhadap perayu, antara lain, didakwa menjalani perkahwinan berpoligami tanpa mendapat kebenaran daripada Ketua Polis Negara; keluar negara (Narathiwat, Thailand) tanpa mendapatkan kebenaran ketua jabatan; melanggar peraturan 4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('Peraturan tersebut') apabila tidak berada di rumah ketika bercuti sakit; membuat catatan yang tidak benar dalam buku Polis 4; dan melanggar peraturan 4(2)(f) Peraturan tersebut. Perayu telah membuat representasi terhadap kesemua tujuh pertuduhan tersebut melalui surat perayu yang bertarikh 17 Mac 1997. Walau bagaimanapun, pada 30 April 1997, perayu telah diserahkan dengan pemberitahuan hukuman tatatertib yang bertarikh 25 April 1997 yang ditandatangani oleh responden pertama yang mengenakan hukuman buang kerja atas pertuduhan pertama, kedua, keempat kelima dan keenam. Manakala pertuduhan ketiga dan ketujuh dikenakan hukuman amaran di bawah peraturan 38(a) Peraturan tersebut. Berikutan itu, perayu telah mengambil tindakan sivil terhadap responden-responden yang mendakwa bahawa keputusan responden pertama adalah bertentangan dengan peruntukan peraturan 28 Peraturan tersebut dengan tidak memberi peluang kepada perayu membuat suatu rayuan mitigasi sebelum menjatuhkan hukuman-hukuman dan ia juga menafikan

hak di bawah prinsip-prinsip keadilan umum. Tuntutan perayu di Mahkamah Tinggi telah ditolak. Perayu merayu ke mahkamah ini.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Mahkamah berpendapat, peruntukan peraturan 28(1) hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan peraturan 28(2) kerana peraturan 28(2) memberi budi bicara kepada Lembaga Tatatertib ('LTT') untuk mengenakan hukuman ringan yang sesuai di bawah peruntukan peraturan 38. Ini terbukti apabila LTT telah mengenakan hukuman ringan di bawah peraturan 38(a) bagi pertuduhan ketiga dan ketujuh. Ia selaras dengan peruntukan peraturan 28(2) yang menyatakan mengenai hukuman ringan yang berpadanan dan yang sesuai (lihat perenggan 19).

(2) Perayu juga telah membuat representasi yang cukup di dalam suratnya. Ini menunjukkan perayu menyedari hukuman yang boleh dikenakan terhadapnya. Perayu sebagai pegawai awam harus mengetahui haknya di bawah Peraturan tersebut, kerana setiap pegawai awam diwajibkan menghayatinya. Dalam peruntukan 28(1) tersebut dinyatakan dengan jelas mengenai pelanggaran disiplin yang mewajarkan pembuangan kerja dan turun pangkat. Mahkamah mendapati kandungan dalam surat representasi perayu begitu terperinci dan menunjukkan perayu mengetahui hukuman berat yang boleh dikenakan ke atasnya (lihat perenggan 20).

(3) Kandungan keseluruhan surat tunjuk sebab dan jawapan daripada perayu boleh membawa inferen bahawa perayu sudah sedia maklum hukuman berat yang boleh dijatuhkan. Mahkamah berpendapat bahawa LTT telah memenuhi kehendak Peraturan tersebut dan perlu diingatkan bahawa mahkamah tidak seharusnya memainkan peranan LTT dalam menjatuhkan hukuman tetapi melihat mengenai kepincangan prosedur dalam pengendalian suatu prosiding tatatertib (lihat perenggan 23–24).

[English summary

The appellant was a Chief Inspector of the police force at the material time. A disciplinary proceedings was commenced against the appellant via a letter dated 5 February 1997. Seven charges was imposed on the appellant, inter alia, alleged to have contracted a polygamous marriage without getting the permission of Inspector General of Police; went to another country (Narathiwat, Thailand) without the permission of the head of department; breached reg 4(2)(i) of the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 ('the Regulations') when he was not at home during his

A medical leave; made wrong entries in the Police Book 4; and breached reg 4(2)(f) of the Regulations. The appellant made a representation for all the seven charges by his letter dated 17 March 1997. However, on 30 April 1997, the appellant was served with the notice of the disciplinary punishment dated 25 April 1997 which was signed by the first respondent who had imposed the B punishment of termination from the service for the first, second, fourth, fifth and sixth charges. Whereas, for the third and seventh charges he was given a warning under reg 38(a) of the Regulations. Accordingly the plaintiff instituted a civil proceedings against the respondents alleging that the first respondent's decision was against the provision of reg 28 of the Regulations C by failing to give an opportunity to him to make an appeal in mitigation before imposing the punishments and it had also denied him his rights under the principles of natural justice. The appellant's claim in the High Court was dismissed. The appellant appealed to this court.

D

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) The court was of the view that, the provisions of reg 28(1) must be read with the provisions of reg 28(2) as reg 28(2) confers discretion to the Disciplinary Board (DB) to impose an appropriate light sentence under E the provision of reg 38. This was shown when the DB imposed a light sentence under reg 38(a) for the third and seventh charges. This was in line with the provision of reg 28(2) which talks about appropriate lighter and suitable sentence (see para 19).

F (2) The appellant had also made a sufficient representation in his letter. It showed that the appellant was aware of the sentence that could be imposed on him. The appellant as a public officer should be aware of his rights under the Regulations, as each and every public officer was obliged to appreciate it. In reg 28(1) it was clearly stated about the G breach of discipline which warranted dismissal and reduction in rank. The court found that the contents of the appellant's letter of representation was extremely detailed and showed that the appellant knew that severe punishment could be imposed on him (see para 20).

(3) The content of the whole of the show cause letter and the reply from H the appellant raised an inference that the appellant was already aware of the severe punishment that could be imposed. The court was of the view that the DB had fulfilled the requirements of the Regulations and it should be reminded that the court should not play the role of DB in imposing the sentence but to look at the procedural irregularity in the I conduct of a disciplinary proceedings (see paras 23–24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pemecatan daripada perkhidmatan, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 36–42.

Kes-kes yang dirujuk

Inspector General of Police & Anor v Alan Noor bin Kamat [1988] 1 MLJ 260, MA (dibeza)

Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang & Anor v Utra Badi a/p K Perumal [2001] 2 MLJ 417, MP (dirujuk)

Local Government Board v Arlidge, HL [1915] AC 120 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 peraturan 4(2)(f), 4(2)(i), 27, 27(1), 28, 28(1), 28(2), 38, 38(a), 38(g)

Perlembagaan Persekutuan perkara 135(2)

Rayuan daripada: Guaman No S3–21–56 Tahun 2000 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Karpal Singh (Nicholas Netto bersama-sama beliau) (Karpal Singh & Co) bagi pihak perayu.

Azlina bt Mahmod (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Wan Adnan Muhamad HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu ialah plaintif di dalam prosiding tindakan sivil No S3–21–56 Tahun 2000. Manakala responden pertama dan kedua ialah defendan-defendan dalam tindakan tersebut. Tindakan plaintif adalah untuk suatu relief berbentuk deklarasi dan perintah seperti berikut:

(1) Suatu deklarasi bahawa defendan pertama telah bertindak menyalahi peraturan 28 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (kini telah dimansuhkan);

(2) suatu deklarasi bahawa pembuangan kerja dari Polis Di Raja Malaysia adalah menyalahi prinsip-prinsip asasi yang sedia ada;

(3) suatu deklarasi bahawa pembuangan kerja plaintif daripada Polis Di Raja Malaysia oleh defendan pertama melalui surat bertarikh 25 April 1997 yang diterima oleh plaintif pada 30 April 1997 adalah batal dan tidak sah, tidak berakibat atau berefek dan plaintif masih seorang ahli Polis Di Raja Malaysia dengan pangkat Cif Inspektor;

(4) suatu perintah bahawa suatu akaun diambil untuk semua tunggakan gaji, emolument dan benefit-benefit lain yang plaintif berhak dan jumlah tersebut dibayar kepada beliau dengan serta merta;

(5) ganti rugi;

A (6) faedah terhadap jumlah penghakiman pada kadar-kadar dan jangkamasa-jangkamasa yang difikirkan patut dan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini;

(7) kos; dan

B (8) apa jua perintah atau relief-relief lain yang difikirkan patut dan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Pada 31 Mac 2004 Mahkamah Tinggi Sivil 3 di Kuala Lumpur telah
C menolak tindakan plaintif tanpa apa-apa perintah berhubung dengan kos. Plaintif tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

[3] Kini kami membentangkan secara ringkas latar belakang kes ini yang
D tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak.

[4] Plaintif ialah seorang anggota pasukan Polis Di Raja Malaysia berpangkat Chief Inspektor. Pada dan ketika masa berkenaan beliau bertugas
E di Pondok Polis Pulau Carey, Daerah Kuala Langat, Selangor.

[5] Defendan pertama ialah Timbalan Ketua Polis Negara yang dianggap sebagai agen defendan kedua iaitu Kerajaan Malaysia.

F **[6]** Melalui suatu surat bertarikh 5 Februari 1997, defendan pertama telah memulakan prosiding tatatertib terhadap plaintif di bawah peruntukan peraturan 28 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('PPA (K & T)') atas tujuh pertuduhan (Bahagian IV yang mengandungi peraturan-peraturan termasuk peraturan 28 tersebut telah
G dipinda melalui PU(A) 246 berkuatkuasa pada 20 Jun 2002).

[7] Pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah mengenai perlakuan plaintif yang didakwa menjalani perkahwinan berpoligami tanpa mendapat
H kebenaran daripada Ketua Polis Negara. Plaintif juga dituduh keluar negara (Narathiwat, Thailand) tanpa mendapat kebenaran ketua jabatannya.

[8] Disamping itu plaintif juga dituduh melanggar peraturan 4(2)(i) PPA (K & T) apabila tidak berada di rumah bila bercuti sakit. Sehubungan dengan
I itu plaintif juga didakwa membuat catatan yang tidak benar dalam buku Polis 4 dan melanggar peraturan 4(2)(f) Peraturan yang sama.

[9] Plaintif telah membuat representasi terhadap ketujuh-tujuh pertuduhan tersebut melalui suratnya bertarikh 17 Mac 1997.

[10] Pada 30 April 1997 plaintif telah diserah pemberitahuan hukuman tatatertib bertarikh 25 April 1997 yang ditandatangani oleh defendan pertama mengenakan hukuman buang kerja di bawah peraturan 38(g) PPA (K & T) atas pertuduhan pertama, kedua, keempat, kelima dan keenam. Manakala di bawah pertuduhan ketiga dan ketujuh dikenakan hukuman amaran di bawah peraturan 38(a) di bawah Peraturan yang sama.

[11] Plaintif mendakwa defendan pertama telah membuat keputusan yang bertentangan dengan peruntukan peraturan 28 PPA (K & T) dengan tidak memberi peluang kepada beliau membuat suatu rayuan mitigasi sebelum menjatuhkan hukuman-hukuman. Justeru itu menafikan hak di bawah prinsip-prinsip keadilan umum (natural justice) dan memohon perintah-perintah mahkamah seperti dinyatakan dalam pernyataan tuntuan.

[12] Rayuan plaintif terhadap keputusan Mahkamah Tinggi diarahkan kepada persoalan-persoalan berikut:

(1) Yang Arif hakim perbicaraan bijaksana khilaf dalam penilaian undang-undang apabila tidak memutuskan bahawa surat tunjuk sebab di dalam kes ini adalah batal dan tidak sah kerana tidak memberitahu perayu di bawah bahagian mana di dalam peraturan 38 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 perayu boleh dihukum;

(2) Yang Arif hakim perbicaraan bijaksana khilaf dalam undang-undang apabila tidak memutuskan bahawa memandangkan surat tunjuk sebab tidak mendedahkan hasrat untuk mengenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat terhadap perayu, maka perayu selepas didapati bersalah berhak untuk diberi notis di bawah peruntukan mana beliau akan dihukum bersertakan suatu peluang, pada masa pemberitahuan berkenaan untuk membuat mitigasi berkenaan hukuman;

(3) Yang Arif hakim perbicaraan bijaksana khilaf apabila memutuskan bahawa tuntutan perayu ditolak.

[13] Di awal prosiding rayuan ini peguam perayu Encik Karpal Singh memberitahu mahkamah bahawa beliau hanya bergantung kepada satu isu sahaja iaitu surat tunjuk sebab tidak sah dan terbatal mengikut prinsip undang-undang seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Agung (ketika itu) dalam kes *Inspector General of Police & Anor v Alan Noor bin Kamat* [1988] 1 MLJ 260. Persoalan ini adalah di bawah butiran 1 memorandum rayuan (sila lihat rekod rayuan ms 2) iaitu dakwaan plaintif tidak diberitahu di bawah bahagian mana dalam peraturan 38 PPK (K & T) perayu boleh dihukum.

[14] Pihak defendan tidak mempertikaikan mengenai hakikat bahawa hukuman tidak dinyatakan dengan khusus di bawah peraturan 38 berkenaan tetapi menyarankan bahawa plaintif seharusnya tahu mengenai hukuman yang boleh dikenakan kerana prosiding dijalankan di bawah peruntukan 28.

[15] Berikut diperturunkan ratio dalam kes *Alan Noor* yang menjadi teras kepada rayuan plaintif. Kami ingin menarik perhatian kepada saranan yang dibuat oleh Salleh Abas HMA (ketika itu) dalam kes tersebut di ms 261 (dalam bahasa asal):

> Reduction in rank and dismissal are the two most severe punishments that can be imposed upon a civil servant guilty of misconduct. For this reason, the proceedings with a view to dismissal or reduction in rank have to be slightly different in that the show cause letter must bring to the attention of the civil servant concerned of the contemplated punishments to make him appreciate the gravity of the situation and thus enable him to give a satisfactory explanation as best as he could. This is clear from the wording contained in para (2) of GOD 30, ie 'a statement in writing, prepared, if necessary, with the aid of the Legal Department, of the ground or grounds on which it is proposed to dismiss the officer or reduce him in rank …' This phraseology 'of the ground or grounds on which it is proposed to dismiss the officer or reduce him in rank', however, does not appear in GOD 29 which deals with disciplinary proceedings not meriting punishment of dismissal or reduction in rank.

Selanjutnya di ms 262:

> Therefore, in order to ensure that the respondent understood and appreciated the seriousness of the proceedings he was facing, the learned trial judge was right in insisting that another chance must be given to him, which he called a plea of mitigation. If, however, the show cause latter had included the proposed punishment, for example, by the inclusion of such statements as 'This proceeding is taken against you with a view to dismissal or reduction in rank …' or 'This proceeding is aken under GOD 30 with a view to dismissal or reduction in rank …' or such other phraseology as would give the effect of making the respondent understand the nature of the proceedings and what they would lead to, there is no necessity for the appellants to give another opportunity of being heard before the punishment is imposed.

[16] Di sini kami akan perturunkan peruntukan 28(1) dan (2) yang relevan dalam kes ini:

> Peraturan 28
>
> (1) The appropriate Disciplinary Authority sitting to consider a *case where the breach of discipline complained of has been found to be a nature which merits a punishment of dismissal or reduction in rank* shall consider all the available information and where it appears that there is a prima facie case against the officer for dismissal or reduction in

rank, the appropriate Disciplinary Authority shall direct that a statement containing the facts of the breach of discipline alleged to have been committed by the officer and any proposed ground on which the officer is to be dismissed or reduced in rank be sent to the officer and shall call upon him to make a written representation, containing grounds upon which he relies to exculpate himself, within a period of not less than twenty-one days from the date of receipt of the charge.

(2) Where, after considering the representation made pursuant to sub regulation (1), the appropriate Disciplinary Authority is of the opinion that the breach of discipline or misconduct by the officer does not merit the punishment of dismissal or reduction in rank, the appropriate Disciplinary Authority may impose on the officer any lesser punishment as it deems fit and proper.

[17] Kes *Alan Noor* telah diputuskan sebelum PPA (K & T) 1993. Fakta kes tersebut berlainan. Ia boleh dibezakan kerana dalam surat tunjuk sebab tidak dinyatakan hukuman yang akan dikenakan. Dalam kes ini plaintif telah diberi notis secukupnya kerana surat tunjuk sebab jelas menyatakan prosiding dijalankan di bawah peruntukan 28. Peruntukan tersebut khusus bertujuan untuk tindakan buang kerja atau turun pangkat. Disamping itu terdapat peraturan 27(1) mengenai prosiding yang tidak bertujuan buang kerja atau turun pangkat.

[18] Persoalan yang dibangkitkan oleh pihak plaintif ialah dalam surat tunjuk sebab tidak dinyatakan secara khusus mengenai hukuman di bawah peruntukan 38(g) untuk buang kerja tetapi hanya dicatitkan peraturan 38 sahaja. Adalah dihujahkan ia sudah cukup untuk mahkamah putuskan surat tunjuk sebab tersebut tidak sah kerana plaintif tidak mengetahui kesalahannya sebegitu serius sehingga beliau boleh dibuang kerja.

[19] Pada hemat kami peruntukan peraturan 28(1) hendaklah dibaca bersekali dengan peruntukan peraturan 28(2) kerana peraturan 28(2) memberi budi bicara kepada Lembaga Tatatertib (LTT) mengenakan hukuman yang ringan yang sesuai di bawah peruntukan peraturan 38. Ini terbukti apabila LTT telah mengenakan hukuman ringan di bawah peraturan 38(a) bagi pertuduhan 3 dan 7. Ia selaras dengan peruntukan peraturan 28(2) yang menyatakan mengenai hukuman ringan yang berpadanan dan yang sesuai.

[20] Sehubungan dengan itu plaintif telah membuat representasi secukupnya di dalam suratnya. Ini menunjukkan plaintif menyedari apa hukuman yang boleh dikenakan. Plaintif sebagai pegawai awam harus

mengetahui haknya di bawah PPA (K & T) kerana setiap pegawai awam diwajibkan menghayatinya. Dalam peruntukan 28(1) tersebut dinyatakan dengan jelas mengenai pelanggaran disiplin yang mewajarkan pembuangan kerja dan turun pangkat (kami menarik perhatian kepada para yang kami gariskan pada petikan peraturan 28(1) terdahulu). Lagi pun di birai peraturan 28(1) tertera dengan jelas catatan '*Procedure disciplinary cases with a view to dismissal or reduction in rank*'. Kami tidak pasti wujudnya perkataan sedemikian di dalam GOD 30. Pada penelitian kami kandungan dalam surat representasi plaintif begitu terperinci. Ia menunjukkan plaintif mengetahui hukuman berat yang boleh diberi ke atasnya.

[21] Kami dapati tiada kekhilafan oleh hakim bicara bila menolak tuntutan plaintif. Kami memperakui keputusannya sebagaimana hakim tersebut menyatakan dalam alasannya seperti berikut (dalam bahasa asal):

> Although reg 38 mentioned in the show cause letter of 5 February 1997 is a general punishment provision, doing so generally, without exclusion of any of the punishments, in the letter of 5 February 1997 gave clear notice that the breach of discipline complained of had been found by the Disciplinary Authority to be of a nature which merits a punishment of dismissal or reduction in rank. Otherwise, reg 38 (f) and (g) would have been excluded. Failure to exclude reg 38(a)–(e) is immaterial as those alternative punishments remain available if the plaintiff succeeds in his written representation. In the circumstances, notice reg 27 is nothing more than an assurance that the punishment considered does not include punishment under reg 38(f) or (g). By not excluding the punishments, under reg 38(f) or (g), it is abundantly clear that the letter of 5 February 1997 was a notice under reg 28. The Plaintiff had then proceeded to make his representations by his letter of 17 March 1997. The plaintiff was not ignorant that the procedure he faced was in fact under reg 28 as can be seen by his reference to the regulation in the last paragraph of s 7 at p 6 of his representation.

[22] Persoalannya berkisar di atas persoalan sama ada plaintif dihukum buang kerja tanpa diberi peluang pendengaran yang munasabah (reasonable opportunity to be heard) seperti kehendak perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

> Tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan boleh dibuang kerja atau diturun pangkat dengan tidak diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

[23] Fakta kes ini jelas LTT telah menghantar surat tunjuk sebab yang jelas menyatakan prosiding di bawah peraturan 28 untuk tindakan disiplin bertujuan hukuman buang kerja atau turun pangkat. Dalam surat tunjuk sebab tersebut dinyatakan hukuman di bawah peraturan 38 yang mengandungi kurungan (g) (hukuman buang kerja). Persoalannya adakah dengan menyatakan hukuman boleh dikenakan di bawah peraturan 38, tanpa menyatakan di bawah peraturan 38(g) menafikan hak plaintif sehingga boleh

dianggap menafikannya diberi peluang yang munasabah untuk didengar memandangkan peraturan 38 mengandungi berbagai bentuk jenis hukuman seperti dihujahkan oleh pihak plaintif. Dalam ertikata plaintif hanya diberi peluang mendapat pendengaran seperti kehendak perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan apabila surat tunjuk sebab menyatakan dengan khusus hukuman mana yang akan dikenakan. Kami tidak berpendapat sebegitu. Kandungan keseluruhan surat tunjuk sebab dan respond (jawapan) daripada plaintif boleh membawa inferens plaintif sudah sedia maklum akan hukuman berat yang boleh dijatuhkan. Fakta ini telah dipertimbangkan oleh hakim bicara.

[24] Pada hemat kami LTT telah memenuhi kehendak PPA (K & T). Sayugia diingatkan mahkamah tidak seharusnya memainkan peranan Lembaga Tatatertib dalam menjatuhkan hukuman. Mahkamah melihat mengenai kepincangan prosedur dalam pengendalian suatu prosiding tatatertib. Abdul Malik Ahmad HMP (ketika itu) dalam penghakiman kes *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang & Anor v Utra Badi a/p K Perumal* [2001] 2 MLJ 417, di ms 438 telah memetik kata-kata hakim Inggeris Lord Shaw of Dunfermline dalam kes *Local Government Board v Arlidge* [1915] AC 120 di ms 138 yang menyarankan maksud berlaku adil (to act justly) untuk memberi keadilan melalui saluran keadilan bersabit natural justice dalam undang-undang pentadbiran Lord Shaw berkata (dalam bahasa asal):

> ... but that judiciary should presume to impose its own methods on administrative or executive officers is usurpation. And the usurpation that the methods of natural justice are ex necessitate those of the courts of justice is wholly unfounded this is expressly applicable to steps of procedure ...

[25] Kesimpulannya setelah diteliti keseluruhannya kami berpuashati surat tunjuk sebab menyatakan dengan jelas kesalahan-kesalahan plaintif dan hukuman yang boleh dijatuhkan di bawah peraturan 38 PPK (K&T) dan juga dinyatakan prosiding tatatertib di bawah peraturan 28 yang jelas bertujuan untuk buang kerja atau turun pangkat. Isi kandungan surat representasi plaintif yang mempertahankan secara terperinci tuduhan demi tuduhan serta kesedaran plaintif mengenai prosiding di bawah peraturan 28 seperti yang dinyatakan dalam surat representasi beliau sendiri. Selain dari itu plaintif seharusnya tahu wujudnya prosiding di bawah peraturan 27 yang bukan bertujuan buang kerja.

[26] Selanjutnya apabila diteliti keseluruhan dokumen-dokumen yang relevan hakim bicara tidak membuat apa-apa kekhilafan dalam memutuskan untuk menolak tuntuntan plaintif. Adalah jelas keputusannya adalah berdasarkan kepada fakta kes ini. Justeru itu kami menolak rayuan plaintif

dengan kos dan mengekalkan keputusan hakim bicara. Deposit dimasukkan ke dalam akaun bagi tujuan untuk taksiran kos.

Rayuan ditolak dengan kos.

Reported by Zalmanizam Mahadi